

Rakyat Pulau Pinang semakin terima Barisan Nasional, kepimpinan Najib

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Sokongan rakyat Pulau Pinang terhadap Barisan Nasional (BN) dilihat semakin meningkat sebagaimana dibuktikan semasa kedatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke negeri itu semalam.

Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr. Azmi Hassan** berkata, kehadiran kira-kira 80,000 orang ke program bersama Perdana Menteri semalam, memberi isyarat rakyat negeri itu semakin percaya dengan kepimpinan BN terutamanya Najib.

"Pengundi Pulau Pinang adalah unik dan di atas kertas kita lihat sukar menawan negeri itu, namun Najib mempunyai aura tersendiri yang mampu menarik pengundi terutama dengan janji-janji pembangunan di negeri itu yang dilihat dibuat secara ikhlas.

"Walaupun semalam Ketua Menteri, Lim Guan Eng cuba mempolitikkan sambutan Tahun Baharu Cina anjuran BN, tetapi kita dapat lihat perkara itu gagal kerana rakyat tetap hadir bersama-sama menyambut perayaan tersebut dalam suasana harmoni," katanya ketika di-

hubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kegagalan Guan Eng menghasut rakyat Pulau Pinang mensabotaj sambutan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Malaysia anjuran BN negeri semalam dengan memakai baju berwarna tertentu yang menunjukkan sokongan kepada pembangkang.

Gesaan itu tidak diendahkan rakyat Pulau Pinang dan pengunjung pelbagai kaum menyambut perayaan tersebut di padang Kolej Han Chiang, Pulau Pinang dengan gembira.

Sementara itu, pensyarah di Ja-

batan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Jayum Jawan** berkata, BN memerlukan visi lebih hebat daripada apa yang ditawarkan DAP ketika ini untuk menawan semula Pulau Pinang.

Katanya, rakyat negeri itu masih menantikan pendirian konkrit pemimpin-pemimpin BN terutama Najib sendiri berhubung beberapa isu kontroversi yang dikaitkan dengan BN.

"Pulau Pinang bukan sahaja bergantung kepada pengundi kaum

Melayu tetapi kaum Cina juga perlu diyakinkan.

"Pengundi tempatan mungkin akan mengambil pendekatan memberi peluang sekali lagi kepada pemerintah sedia ada kerana tidak yakin dengan MCA dan Gerakan yang pernah memerintah Pulau Pinang sebelum ini," jelasnya.

Beliau menambah, antara isu yang dekat dengan rakyat Pulau Pinang dan perlu diberi perhatian segera oleh BN ialah masalah perumahan rakyat yang ketika ini gagal diselesaikan kerajaan DAP negeri.